# MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

## KENYATAAN TENDER

## (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang masih sah tempohnya dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

| NO. TENDER | PERIHAL KERJA | HARGA DOKUMEN/ TARIKH MULAI DIJUAL | SYARAT PENDAFTARAN |
|---|---|---|---|
| MBJB/K/ 66/2025 | Cadangan kerja-kerja menaiktaraf reka bentuk empat (4) unit 'Smart Bus Stop' sedia ada di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (KPKT)<br><br>Tarikh Taklimat & Lawatan Tapak : 16.6.2025 (Isnin)<br>Tempat : Bahagian Lalulintas & Pengangkutan Bandar, Jabatan Pengangkutan Bandar, Aras 11, Menara Majlis Bandaraya Johor<br>Jam : 9.30 Pagi<br>Tarikh Tutup Tender : 7.7.2025 (Isnin)<br>Jam : 12.00 tengahari<br>No. Fail : MBJB/U/2025/71/PRO/LJ/1<br>***TAKLIMAT PEJABAT / LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN*** | RM300.00<br><br>16.6.2025 hingga 3.7.2025<br><br>(Rujuk Perenggan 4) | CIDB<br>Gred : G4 Atau G5 Atau G6 Atau G7<br>Kategori : ME<br>Pengkhususan : E04 Dan E11<br><br>**HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB/KKM Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak** |

...2/-

2. Penender diwajibkan untuk mendaftar syarikat secara dalam talian menggunakan sistem iPerolehan **sebelum** pendaftaran taklimat dilakukan melalui laman sesawang ***https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan***. Sila abaikan jika telah berdaftar dan kemaskini maklumat syarikat sekiranya terdapat perubahan maklumat. Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk memastikan maklumat yang didaftarkan di dalam sistem iPerolehan haruslah sama dan tepat sebagaimana lesen asal yang terkini dan menepati syarat pendaftaran sebut harga / tender yang diiklankan. Sekiranya berlaku masalah ketika pendaftaran kehadiran taklimat akibat maklumat yang diberikan tidak menepati syarat lesen pendaftaran, pihak MBJB tidak bertanggungjawab sekiranya pendaftaran kehadiran syarikat ditolak oleh pihak MBJB.

3. Pendaftaran taklimat pejabat akan dilakukan secara bersemuka pada tempat, tarikh dan masa seperti jadual tertera di atas. Hanya penama di dalam lesen sahaja yang dibenarkan mendaftar **(TIDAK BOLEH DIWAKILKAN)** dan hanya syarikat yang **disahkan** untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen. Syarikat yang berdaftar perlu menyemak status kehadiran taklimat sebelum meneruskan pembelian.

4. Pembelian perlu dilakukan di sistem iPerolehan MBJB dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem **PBTPay** ***(https://pbtpay.kpkt.gov.my)***. Sistem **eKhidmat** ***(http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/)*** atau di kiosk MBJB sahaja. Sila Rujuk sistem **iPerolehan MBJB** bagi penjualan tersebut.

5. Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Bahagian Pelaksana** pada waktu pejabat **mulai Tender ini diiklankan iaitu pada 10.6.2025 (Selasa).** Untuk keterangan lanjut sila layari laman web MBJB iaitu *www.mbjb.gov.my*.

6. Dokumen Tender yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri serta ditulis No. Tender dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBJB**, pada tarikh tutup seperti yang tertera pada jadual di atas. Dokumen boleh dihantar secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar / kurier.